

25/09/2000

Perkukuh kemesraan kerajaan-rakyat

Faizal Fadzil

SEJAK tewas dalam pergelutan merebut kuasa memerintah di Malaysia, November tahun lalu, kumpulan penceramah pembangkang tidak henti-henti melemparkan serangan bagi mengabui usaha kerajaan dalam menawarkan khidmat kepada rakyat.

Dalam setiap ceramah mereka, usaha untuk memperlekeh agenda kerja kerajaan sering menjadi permainan bibir mereka. Apa saja rancangan dan dasar kerajaan, akan diulas dalam bentuk amat negatif, seolah-olah program itu tidak akan menguntungkan masyarakat.

Ketika Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerima anugerah daripada kumpulan profesional kewangan Islam Amerika Syarikat di atas kecemerlangannya mengendalikan ekonomi negara, penceramah pembangkang melaung-laungkan kepada rakyat betapa tidak layaknya anugerah itu diberikan kepada Perdana Menteri yang mewakili rakyat Malaysia.

Demikianlah, perjuangan politik yang dipamerkan pembangkang bagi membangkitkan kebencian rakyat kepada kerajaan yang menerima mandat lebih dua pertiga rakyat. Namun, bagi kerajaan Barisan Nasional (BN), tumpuan memberi khidmat terbaik kepada rakyat tetap menjadi agenda kerja utamanya. Meskipun menghadapi serangan politik secara bertubi-tubi, siang dan malam, ia tidak berupaya untuk menggugat agenda kerja kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat.

Bagi kerajaan BN, serangan politik bukan hanya sekadar perlu dibalas dengan melakukan serangan politik sama, tetapi dengan membiarkan rakyat sendiri menjadi hakim terhadap semua gerak kerja kerajaan bagi membangunkan negara.

Di Johor, program pimpinan kerajaan untuk bermesra bersama rakyat tidak menunggu kehadiran pilihan raya akan datang. Bagi Kerajaan Johor, khidmat kepada rakyat wajar dilakukan sepanjang masa sebagaimana pembangkang saban masa melakukan serangan politik terhadap pentadbiran kerajaan.

Meskipun, BN menyapu bersih semua kerusi di Johor pada pilihan raya umum lalu, ia bukan tiket bagi membolehkan kaki digoyang sementara menunggu pilihan raya akan datang.

Ini kerana bagi BN memenangi pilihan raya bermakna menerima tanggungjawab rakyat untuk membela nasib rakyat itu sendiri.

Sebelum ini, konsep mesra rakyat sudah dilaksanakan oleh Kerajaan Johor sejak dua tahun sebelum pilihan raya 1999. Menerusi Program Pembangunan Holistik Negeri Johor, pentadbiran kerajaan negeri memperkenalkan "Hari Bertemu Rakyat" yang bertujuan memudahkan lagi rakyat berurusan dengan jabatan dan agensi kerajaan.

Setiap Sabtu, mulai jam 9 hingga 12 tengah hari, ketua jabatan diwajibkan berada di pejabat masing-masing bagi melayani rakyat, mendengar masalah yang dikemukakan dan seterusnya mencari formula terbaik bagi menangani masalah itu.

Khidmat seumpama ini lebih berkesan bagi membantu rakyat secara terus dan pantas kerana rakyat bertemu secara berdepan dengan pegawai yang bertanggungjawab untuk mengurus persoalan itu.

Namun, sebaik memenangi pilihan raya lalu, kerajaan negeri tidak sekadar berpuas hati dengan khidmat seumpama itu.

Rakyat sudah memberi mandat baru kerana kerajaan negeri mempamerkan pencapaian baik. Justeru, tidak adil jika kerajaan negeri tidak mencari formula lebih baik bagi meningkatkan taraf kehidupan rakyat.

Oleh itu, sebaik memasuki alaf baru, kerajaan negeri tidak lagi hanya

menunggu rakyat datang ke pejabat kerajaan. Kini, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, pula turun padang bersama barisan Exconya untuk meninjau pelaksanaan pembangunan di mukim serta kampung.

Dalam tempoh empat bulan bermula Julai lalu, seluruh pimpinan kerajaan negeri dan ketua-ketua jabatan kerajaan menemui rakyat mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) setiap Selasa dan Khamis.

Mereka akan bertemu rakyat mengikut bidang masing-masing di seluruh pelosok DUN dan menyelesaikan sebarang masalah yang timbul pada masa itu juga.

Pada masa ini juga, rakyat boleh melahirkan sebarang rasa tidak puas hati terhadap khidmat kerajaan dan mengemukakan cadangan balas mengenai gerak kerja kerajaan.

Hasil teguran dan cadangan balas ini akan dikumpulkan dan diberi perhatian apabila kerajaan negeri menilai semula keberkesanan program pembangunan holistik yang sedang rancak dilaksanakan di Johor.

Pada masa sama, pucuk pimpinan Umno sebagai parti tunjang pemerintahan BN juga turun ke padang bagi berdialog dengan ketua peti undi di seluruh negeri bagi mendengar rintihan yang dikemukakan oleh rakyat ketika pilihan raya lalu.

Setiap pandangan akan dihayati dan dikemukakan kepada kerajaan negeri untuk dilaksanakan bagi menjamin kesejahteraan rakyat dalam menikmati kehidupan ini.

Ini adalah di antara pelaksanaan konsep mesra rakyat yang diterapkan oleh pentadbiran BN. Kemesraan hanya boleh terjalin jika pemimpin dan rakyat sering bersemuka secara langsung dan sekerap yang mungkin.

Di samping itu, jika pertemuan di antara pimpinan kerajaan dan rakyat dapat diadakan selalu, pembangkang tidak berupaya lagi mempengaruhi rakyat dengan menabur fitnah sebarangan.

Ini kerana kerajaan sendiri boleh menjelaskan kepada rakyat sebarang tohmahan yang dilempar dan kekeliruan yang cuba ditimbulkan oleh golongan yang sakit hati melihat kerajaan sering bekerja.

Kerajaan BN kini tidak boleh hanya duduk berpeluk tubuh apabila penceramah pembangkang saban malam memperlekeh, menghina dan mengutuk tindakan dan agenda kerja kerajaan di seluruh pelusuk negara.

Pembangkang sudah menyusun strategi sejak tewas pada pilihan raya lalu dalam usaha memenangi pilihan raya akan datang. Justeru, kerajaan BN perlu bekerja lebih keras bagi memastikan rakyat terus yakin dengan pentadbirannya.

Yang peliknya, ramai pemimpin pembangkang turun untuk menyampaikan propaganda mereka adalah golongan wakil rakyat yang dipilih di kawasan Parlimen atau DUN masing-masing.

Adakalanya, nama wakil rakyat di sesebuah negeri sering terpampang di kain rentang sebagai penceramah di negeri lain dalam tempoh yang agak kerap.

Bila agaknya wakil rakyat ini memberi khidmat kepada masyarakat yang memilih mereka di kawasan masing-masing?

Perlu diingat bahawa tidak semua anggota masyarakat setempat memilih mereka sebagai wakil rakyat. Mungkin ahli parti pembangkang merestui tindakan ahli Parlimen pembangkang yang mereka pilih, memberi ceramah di tempat lain bagi membantu parti mereka.

Tetapi, masyarakat lain yang memerlukan mereka supaya sering berada di kawasan masing-masing untuk mendengar keluhan rakyat, bukan saban masa berkempen untuk meraih kerusi di Parlimen semata-mata.

Rakyat memilih pemimpin supaya mereka dapat membela nasib rakyat. Hasil mutu kerja pemimpin akan menjadi asas penilaian bagi memilih pemimpin pada pilihan raya akan datang.